



## [SINAR HARIAN] PRN SELANGOR: KERJASAMA PH-BN DIPUTUSKAN HUJUNG BULAN INI

[Share](#) |

Shah Alam – Bentuk kerjasama antara Pakatan Harapan (PH) dan BN bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Selangor diharap dapat diputuskan selewat-lewatnya hujung bulan ini, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari. Amirudin yang juga Pengerusi PH Selangor berkata, beliau telah berjumpa secara tidak formal dengan beberapa pihak dalam BN bagi membincangkan perkara tersebut.

“Dalam minggu ini atau awal minggu depan, saya akan buat pengumuman. Hari ini saya akan membawa ke mesyuarat Exco dan membuat keputusan tertentu. Ia adalah perbincangan yang sangat positif dan saya berharap ia akan mewakili sentimen dalam kerajaan Persekutuan.

“Harap selewat-lewatnya bulan ini, kita sudah tentukan jenis kerjasama dan selepas itu, pada Februari dan seterusnya kita membuat persiapan untuk pilihan raya negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikan Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 kepada penjawat awam di negeri itu pada Rabu.



Amirudin juga berkata, mandat telah diperoleh daripada PKR untuk memulakan perbincangan berkenaan kerjasama tersebut dan ia akan diputuskan dalam kalangan parti gabungan PH.

“Secara asasnya saya tahu tidak ada tentangan, cuma kita kena melihat formulanya. Saya tak jumpa (ahli BN) secara formal, kita

jumpa secara tidak rasmi di acara dan majlis dan dinyatakan tarikh dan waktu yang perlu ditetapkan.

“Maksudnya kita kena buat permulaan kepada perbincangan. Itu kena ada kerangka kerja... Jadi kita kena mulakan dengan beberapa kerangka kerja, apa yang perlu dimulakan dan sebagainya,” kata beliau. – Bernama

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/240020/berita/politik/prn-selangor-kerjasama-ph-bn-diputuskan-hujung-bulan-ini>

## Kenyataan Media Dan Berita


[Kenyataan Media](#)

[Berita Dewan](#)

[Berita CPA](#)

[Media Perdana](#)

[Ucapan](#)



## Hubungi Kami

### Pejabat Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan

Tingkat 1, Bangunan Annex, Bangunan Dewan Negeri Selangor, 40680 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

TEL: 03-5544 7615  
03-5544 7616  
03-5544 7617  
03-5544 7618  
03-5544 7422

FAKS: 03-5510 4055  
03-5544 7436

## Jawatankuasa Pilihan

- [Jawatankuasa Kira – Kira Wang Kerajaan \(PAC\)](#)
- [Jawatankuasa Peraturan Tetap](#)
- [Jawatankuasa Hak dan Kebebasan](#)
- [Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor \(SELCAT\)](#)
- [Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah \(JP-PADAT\)](#)
- [Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan \(JP-PBT\)](#)
- [Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat \(JP-ABAS\)](#)
- [Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan](#)
- [Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan](#)
- [Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor \(JPK-SAS\)](#)

## Dewan Negeri Selangor

- [Pengenalan](#)
- [Sejarah](#)
- [DYMM Sultan](#)
- [Speaker](#)
- [Timbalan Speaker](#)
- [Pejabat Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan](#)
- [Pejabat Penyelidik](#)

## Ahli Dewan Negeri

- [Senarai DUN](#)
- [Peta Kawasan](#)
- [Kedudukan ADUN Di Dewan](#)
- [Badan Eksekutif \(MMKN/EXCO\)](#)

## Perundangan & Perbahasan

- [Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959](#)
- [Peraturan Tetap](#)
- [Enakmen](#)
- [Perintah Speaker](#)
- [Penyata Rasmi](#)
- [Arkib Soalan Mulut dan Soalan Bertulis](#)

## Lain-Lain

- [Lawatan Ke Dewan Negeri](#)

Visits: 249017  
Today: 95  
Total: 2827378